

LABUAN: Operasi Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), di sini dikenal pasti turut membantu kemajuan dalam pelbagai aspek di pulau bebas cukai ini, terutama dalam meningkatkan sosioekonomi penduduk tempatan.

Kehadiran penuntut dari Sabah Sarawak, Semenanjung dan China untuk mengikuti pelbagai bidang pengajian turut membantu menjana ekonomi penduduk tempatan dari aspek perniagaan pengangkutan, restoran dan penginapan, sekali gus meningkatkan pembangunan Labuan.

Ketua Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Basiran Saban berkata, kehadiran penuntut terbabit memberi manfaat besar kepada pulau ini kerana selain memartabatkan budaya ilmu, ia turut menyumbang kepada pertumbuhan sosiekonomi penduduk tempatan.

"Kehadiran penuntut bersama keluarga mereka membantu memperkenalkan Labuan kepada masyarakat luar apabila mereka kembali ke negeri asal mereka," katanya berucap pada majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL Ke-2, di Dataran Labuan, di sini semalam.

Perarakan sejauh dua kilometer bermula jam 9 pagi itu diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMS, Profesor Dr Amran Ahmed yang mewakili Naib Canselor UMS, Profesor

UMS-KAL bantu kemajuan Labuan



BASIRAN (dua dari kiri) dan Amran menandatangani watikah diperhatikan Abdullah (kanan) dan Shariff pada majlis perarakan berjubah graduan UMS-KAL

Datuk Dr Kamaruzaman Ampom.

Seramai 412 peserta yang terdiri daripada murid tadika, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML), penuntut UMS-KAL serta pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Sains Informatik Labuan menyertai perarakan berkenaan.

Ia turut diserikan dengan irungan pancaragam Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Sabah dari Kepayan, dekat Kota Kinabalu.

Turut diadakan majlis menandatangani dan penyerahan watikah antara UMS dengan Perbadanan Labuan dan penyerahan sijil kepada pelajar UMS-KAL.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said;

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Yunus Kurus.

Basiran berkata, majlis menandatangani dan penyerahan watikah antara UMS dengan Perbadanan Labuan itu mampu meningkatkan imej Labuan sebagai pusat kecermerlangan pendidikan di rantau ini.

Sehubungan itu, beliau



PELAJAR UMS-KAL yang terbabit majlis perarakan graduan.

AZRI ONN | BERITA HARIAN

meminta penduduk Labuan menetapkan matlamat sekurang-kurangnya seorang anggota keluarga menjadi graduan bagi setiap keluarga bagi meningkatkan imej berkenaan.

Sementara itu, Dr Amran berkata, majlis itu adalah simbolik penerimaan masyarakat tempatan terhadap penuntut UMS-KAL yang terdiri dari pelbagai kaum.

Sehubungan itu, beliau meminta penuntut UMS-KAL mengadakan lebih banyak aktiviti kemasyarakatan yang mampu memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

"Budaya mengejar ilmu yang ada pada penuntut universiti ini harus terus menjadi warisan untuk dikongsi dan diamalkan masyarakat tempatan demi generasi akan datang," katanya. 6